

PENDEKATAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HAFAZAN AL-QURAN ANTARA DUA INSTITUSI PRA TAHFIZ DI SELANGOR
COMMUNICATION APPROACH IN THE TEACHING AND LEARNING MEMORIZING OF AL-QURAN BETWEEN TWO PRE-TAHFIZ INSTITUTIONS IN SELANGOR

Siti Mursyidah Mohd Zin^{1*}, Nurzatil Ismah Azizan², Safinah Ismail³, Fatin Nazmin Mansor⁴

¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, sitimursyidah@kuis.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nurzati@kuis.edu.my.

³ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, safinah@kuis.edu.my.

⁴ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, fatinnazmin@kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai bagi para pendidik terutamanya untuk menjadikan proses pengajaran lebih berkesan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan komunikasi di antara guru dan pelajar Pra Tahfiz ketika proses pembelajaran al-Quran. Artikel ini menggunakan metode kualitatif dengan rekabentuk kajian etnografi. Instrumen kajian yang digunakan ialah temubual separa struktur terhadap guru Pra Tahfiz di dua pusat pengajian tahfiz di Selangor dengan pendekatan pemerhatian turut serta dan data kajian ini di analisis secara induktif. Hasil kajian mendapati terdapat lima pendekatan komunikasi yang digunakan oleh kedua-dua Pra Tahfiz iaitu komunikasi interpersonal, komunikasi penceritaan dalam PdP, komunikasi bertulis, latihan penyebutan berulang dan pendekatan bermain dengan pelbagai pendekatan. Pendekatan yang dilakukan oleh kedua-dua Pra Tahfiz seperti menonton video bagi pengenalan surah-surah tertentu, dan melalui pertandingan berkumpulan. Implikasi daripada kajian menunjukkan pelajar Pra Tahfiz lebih cepat memahami arahan dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat memupuk minat pelajar pra tahfiz dalam menghafal al-Quran

Kata kunci

tinjauan pendekatan komunikasi, pra tahfiz, PdP Pra Tahfiz, Pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

Abstract

Communication skills are an important element that must be presented and mastered for educators especially to make the teaching process more effective. This article aims to analyze the communication approach between teachers and Pre Tahfiz students during the process of learning the Quran. This article uses qualitative methods with ethnographic study design. The research instrument used was a semi-structured interview with Pre-Tahfiz teachers at two tahfiz schools in Selangor with a participatory observation approach and the data of this study were analyzed inductively. The results of the study found that there are five communication approaches used by both Pre-Tahfiz, namely interpersonal communication, storytelling

communication in PdP, written communication, repetitive pronunciation training and play approach with various approaches. The approach taken by both Pre-Taahfiz is like watching a video for the introduction of certain surahs, and through group competitions. Implications from the study show that Pre-Taahfiz students are quicker to understand instructions and streamline the teaching and learning process and can cultivate pre-tahfiz students' interest in memorizing the Quran.

Keywords

communication approach review, pre tahfiz, PdP Pre Tahfiz, Teaching and learning the Quran.

1. PENGENALAN

Pendidikan tahfiz di Malaysia telah berkembang dengan pesat dengan inisiatif pihak kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan orang perseorangan. Hal ini berlaku disebabkan permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat termasuk pra tahfiz kepada kanak-kanak contohnya Pasti Pra Tahfiz, Tadika Tahfiz Khalifah, al-Quran Playtime Centre (APC), Tadika Tahfiz Gemilang dan sebagainya. Kebanyakannya memulakan hafazan dengan surah-surah lazim yang pendek dan mudah dihafaz. Ini secara tidak langsung akan melahirkan perasaan gembira untuk menghafaz al-Quran (Abdul Hafiz et al. 2005; Safinah et al 2019). Pengajian tahfiz pada masa kini bermula daripada peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.

Pra Tahfiz mempunyai maksud yang sendiri berbanding aliran pengajian yang lain. Menurut Kamus Pelajar Edisi Keempat "Pra" membawa maksud sebelum memasuki sekolah manakala "Tahfiz" pula membawa maksud Institut Menghafal al-Quran. Oleh itu, pra tahfiz membawa makna sistem pengajian sebelum memasuki aliran sekolah seperti kebiasaan dan sistem tersebut merupakan sistem yang memberi fokus kepada hafazan al-Quran. Pelajar yang berada pada Pra Tahfiz adalah usia empat hingga enam tahun yang belum mengikuti sistem pengajian sekolah aliran biasa.

Perbincangan berkenaan kepentingan pengajian al-Quran seperti yang dibahaskan oleh tokoh ilmunan Islam menyatakan proses Pendidikan al-Quran kepada seorang anak itu bermula ketika di usia masih kecil dan terdapat pelbagai cabaran dalam menarik minat anak-anak kepada al-Quran. Al-Ghazali (W 505H) (1996), menyatakan bahawa pendidikan anak-anak berusia enam tahun perlu menumpukan perhatian kepada pembelajaran al-Quran seperti membaca, menghafaz al-Quran dan hadis serta membangunkan kemahiran sastera mereka. Tempoh pengajian hafazan al-Quran bergantung kepada keupayaan tahap ingatan pelajar. Hafalan Al-Quran dilaksanakan dalam tiga peringkat iaitu pembelajaran Al-Quran dengan hati, menghafal dan menyempurnakan keupayaan untuk menulis seluruh Al-Quran tanpa ralat sama ada di papan tulis atau di dalam kertas (Wiwi Alawiyah 2013). Pembelajaran dilakukan secara manual kerana pelajar perlu duduk membaca secara bersemuka dan pakar-pakar menunjukkan dan membetulkan kesilapan. (Nor Musliza, 2014)

Manakala sejarah hafazan al-Quran dalam Islam menyaksikan kaedah hafazan yang diamalkan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat iaitu dan tradisi pemeliharaan al-Qur'an dalam bentuk hafalan khususnya terus berlanjutan dari generasi ke generasi hingga sampai sekarang. Dorongan untuk menghafal al-Quran sendiri telah dijelaskan dalam firman Allah SWT:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya, telah kami mudahkan al-Quran untuk peringatan maka adakah orang yang mengambil pelajaran?"
Surah al-Qamar (54) : 22

Imam al-Ghazali, Ibn Miskawih (W 421H), Ibnu Sina (W 428) dan Abdullah Nasih Ulwan (W 1987M) sepakat menyatakan bahawa hafazan al-Quran adalah perkara utama dalam proses pembelajaran (Wini Mulyani, 2011). Ini bertepatan dengan pandangan Ibn Khaldun (W 1406M) bahawa pada peringkat rendah kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengertian ringkas ayat-ayat hafazan atau bacaan serta diceritakan pula kisah-kisah dan fadilat-fadilat yang terkandung di dalamnya. Kefahaman ini selaras gesaan al-Quran seawal penurunan wahyu (Surah al-Alaq 87:1-5) agar manusia sentiasa menghubungkan diri kepada Pencipta di dalam proses pencarian ilmu. Pembelajaran al-Quran secara hafazan mampu menjadi pemangkin ke arah melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai`e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran (Abdul Hafiz, et al 2003). Rasulullah SAW telah bersabda:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " حَيْرَكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya:

Daripada 'Uthman bin A'ffan (r,a) berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya".

Al-Bukhari No 4739

Berdasarkan maksud hadis ini, Imam Ibn Hajar al-Asqalasi (2000) menjelaskan sebaik-baik manusia ialah mereka yang mempelajari al-Quran, menghafal, membaca dan mentadabbur ayat-ayar al-Quran, dan apabila seseorang itu mengajarkan al-Quran kepada orang lain, maka dia akan mendapat kemuliaan dan kelebihan yang berlipat ganda.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif dengan menggunakan tinjauan umum terhadap sebarang tindakan sosial untuk memberi keterangan terhadap keadaan dan sifat manusia (Kamarul Azmi 2012). Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2012) menyatakan kualitatif adalah suatu kaedah meneroka dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (konteks). Ia berkaitan dengan soal mutu, iaitu satu metode yang bersandarkan kepada kualiti sesuatu konteks yang menjadi fokus utama penyelidikan. Kualiti konteks tersebut bergantung kepada sejauhmana konteks tersebut berlaku.

Metode ini penting apabila seseorang pengkaji berusaha mengenalpasti dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam dalam suatu suasana yang memerlukan kepada interaksi secara langsung dengan konteks. Pendekatan kajian kualitatif juga merujuk kepada kajian yang menggunakan data berbentuk bukan angka mahupun kategori. Data adalah berbentuk kualitatif seperti teks, video, foto, transkrip

perbualan atau percakapan yang diambil secara langsung di lapangan atau semasa temu bual untuk memahami fenomena sosial yang dikaji. Kajian kualitatif melibatkan beberapa rekabentuk kajian seperti kajian etnografi, sejarah, *grounded theory*, kajian kes, dan fenomenologi. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan pengumpulan data, diikuti dengan analisis data tersebut untuk mendapatkan maklumat tentang corak atau hubungan antara variabel yang boleh membawa kepada pembentukan teori terhadap fenomena yang dikaji (Othman Talib 2013).

Kajian ini memberi penekanan terhadap pendekatan komunikasi guru Pra Tahfiz dalam pengajaran hafazan al-Quran terhadap pelajar Pra Tahfiz. Reka bentuk kajian Etnografi digunakan dalam kajian ini. Etnografi ialah gambaran dan belajar tentang budaya manusia dalam skala yang kecil yang saling berintraksi (Kamarul Azmi, 2012).

Pengajian dalam kajian ini menggunakan temu bual sebagai instrumen mandapatkan data kajian. Dalam proses temu bual apa sahaja yang disebutkan oleh responden merupakan data penting kajian. Tindak balas yang relevan akan dicatatkan kata demi kata. Melalui kaedah ini seseorang pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara "mendalami" sesebuah topik tertentu.

Pendekatan ini membolehkan kajian dilakukan dengan penggunaan responden yang lebih kecil, memberikan keterangan yang terperinci tentang sebab di sebalik jawapan responden dan mengizinkan pemerhatian yang lebih lama tentang respon yang diberikan. Hal ini kerana temu bual mendalam ini mampu menghasilkan data yang tidak terjangkau oleh responden kerana batasan masa yang sangat luas khususnya tentang masa lalu (Kamarul Azmi, 2012). Oleh itu pengkaji memilih menggunakan pendekatan temu bual mendalam dengan semi struktur iaitu menggabungkan ciri-ciri fleksibel temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Ia bagi mendapatkan pendekatan kaedah komunikasi antara guru dan pelajar di pra Tahfiz Selangor.

Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan pendekatan induktif iaitu melibatkan penggunaan struktur atau kerangka yang telah ditentukan lebih awal untuk menganalisis data. Temubual dilakukan untuk meneroka alasan atau sebab-sebabnya. Pengkaji boleh mengesan kategori (jenis/tema) alasan tersebut (kualitatif) dan kekerapan setiap alasan yang diberikan (kuantitatif). Pengkaji boleh saja memilih hanya jenis atau kategori alasan sahaja tanpa mengambilkira kekerapan setiap alasan (khususnya apabila bilangan responden adalah terlalu kecil iaitu antara 2 hingga 6 orang).

3. PENDEKATAN KOMUNIKASI DAN KEPELBAGAIAN KAEDAH HAFAZAN.

Terdapat banyak kajian yang membincangkan tentang pendekatan komunikasi. Sama ada proses komunikasi secara lisan atau bukan lisan. Proses ini berlaku semasa perpindahan dan pengaliran maklumat daripada seseorang kepada seseorang yang lain dinamakan komunikasi. Komunikasi merupakan suatu proses yang berlaku apabila penghantaran mesej daripada penghantar kepada penerima. Sekiranya penerima dapat memahami mesej yang dihantar oleh penghantar dengan tepat dan jelas maka berlakulah komunikasi. Komunikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Komunikasi lisan merupakan proses perpindahan idea dan disampaikan menggunakan bahasa yang mudah difahami manakala komunikasi bukan lisan ialah limpahan idea yang melibatkan penggunaan bahasa badan seperti menganggukkan kepala tanda setuju (Norhayati Mohd Nor et al, 2018).

Sekolah merupakan tempat yang paling banyak berlakunya proses komunikasi khususnya dalam bilik darjah iaitu semasa proses PdP dijalankan. Proses komunikasi dalam bilik darjah boleh berlaku secara lisan dan bukan lisan di mana pengetahuan, sikap dan kemahiran yang disampaikan bertujuan untuk mendapatkan gerak balas yang dikehendaki. Komunikasi lisan berlaku apabila guru berinteraksi dengan murid ketika bercakap, memberi penjelasan, menyoal, menegur, mengarah, menghampiri, mengenakan denda dan sebagainya. Sementara komunikasi bukan lisan berlaku melalui hubungan mata (*eye contact*), pergerakan badan, air muka, pakaian, keterampilan, penglibatan pendengar, gurau senda dan sifat semula jadi dalam diri seorang guru (Mohd Khairuddin et al, 2014).

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) banyak melibatkan proses komunikasi. Proses (PdP) di sekolah sudah pastinya melibatkan interaksi antara guru dan pelajar. Proses komunikasi ini tidak terikat dalam bentuk sahaja dan lebih menarik jika proses (PdP) dijalankan secara komunikasi dua hala di dalam bilik darjah. Malah ada masanya, guru juga bertindak sebagai penerima dan pelajar pula bertindak sebagai penyampai. Ini bergantung kepada proses interaksi yang dicorakkan oleh mereka (Aziz Nordin & Siti Sumaziana, 2011). Menurut Samsuddin (1993) pula, kejayaan fungsi pendidik bergantung kepada sejauh mana seseorang itu merasai bahawa pengetahuannya bertambah hasil daripada pendedahannya terhadap maklumat yang diterimanya.

Kelemahan guru dalam berkomunikasi dengan berkesan bukan sahaja boleh menyebabkan objektif PdP yang dirancang akan gagal malah boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati murid sepanjang proses pembelajaran tersebut. Oleh itu, kelemahan guru dalam berkomunikasi juga turut mempengaruhi tingkah laku murid. Guru perlu bijak menyusun strategi agar suasana komunikasi antara guru dan murid dapat berlaku secara harmonis, saling membantu, hormat menghormati supaya tidak timbul sebarang konflik (Siti Raihana et al 2015). Komunikasi berfungsi untuk memberi maklumat, mendidik, memujuk dan menghibur. Dalam konteks pengajaran, keempat-empat fungsi komunikasi ini memainkan peranan yang penting (Hashim, 2001). Menurut Mohamed Sani (2007) guru bukan hanya berperanan sebagai pendidik dalam akademik semata-mata, tetapi guru berkomunikasi untuk menyampaikan isi pelajaran, mendidik pelajar, menggunakan daya memujuk dan mewujudkan keceriaan dalam bilik darjah bagi menarik minat pelajar terhadap apa yang disampaikan. Dalam memahami perkara yang di fikirkan oleh pelajar, komunikasi menjadi satu medium untuk guru memahami proses pemikiran pelajar (Cheah, 2007).

Kepentingan dalam pemahaman gaya komunikasi turut disokong oleh Hariyana, Anindya dan Januarti (2009) yang mengatakan bahawa gaya komunikasi merupakan suatu peringkat perilaku komunikasi yang digunakan dalam suatu situasi tertentu. Justeru itu, adalah penting untuk seorang guru memahami dan mengenalpasti gaya komunikasi pelajarnya agar pengurusan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan baik. Sekiranya seorang guru lemah atau tidak mengambil tahu gaya komunikasi pelajar, pelajar akan merasakan tidak selesa dan tidak memberi tumpuan terhadap pembelajaran yang disampaikan (MingFoong Lee et al, 2014).

Kualiti dan kemampuan guru yang dimaksudkan dalam bidang al-Quran ialah mengerti dan memahami tentang selok belok bacaan al-Quran dan mengetahui konsep pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Mohd Yusof 2000: 182). Selain daripada itu,

guru juga mestilah tidak menggelabah dan gopoh-gapah dalam pengajarannya serta tahu kondisi dan kemampuan pelajarnya. Guru yang cemerlang mampu melahirkan generasi yang gemilang (Sytami Giri Candani,2017).

Memandangkan gaya pembelajaran dan gaya komunikasi adalah penting dalam memastikan pelajar dapat belajar dalam keadaan yang digemari, sekaligus dapat memastikan kecemerlangan akademik pelajar. Justeru itu, gaya pengajaran seorang guru perlulah sesuai dan fleksibel dengan gaya pembelajaran dan komunikasi pelajar. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan setiap individu Muslim mempunyai kemahiran dalam membaca al-Quran. Penerapan ilmu al-Quran dalam jiwa remaja masa kini dilihat amat penting terutamanya apabila keruntuhan akhlak dan budaya Islam kerap berlaku.

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang teknik penghafalan al-Quran. Menurut Siti Patonah Mohamad (2014), pedagogi pengajian al-Quran menghasilkan pelbagai teknik dan kaedah bagi memudahkan individu Muslim, khususnya dalam aktiviti-aktiviti pengajian al-Quran seperti mengenal hukum-hukum tajwid dalam al-Quran serta menghafal. Di Malaysia, teknik al-Baghdadi dan *Iqra'* adalah contoh kaedah membaca al-Quran, manakala kaedah Jibril pula bagi hafalan. Mushaf al-Quran juga diolah menggunakan teknik warna bagi memudahkan pembelajaran hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam al-Quran.

Perkembangan pendidikan Islam di negara ini berjaya melahirkan para ilmuwan yang kreatif dan inovatif. Hal ini juga didorong oleh pemerhatian mereka terhadap kelemahan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang sedia ada sehingga tidak berupaya menyelesaikan isu kebolehan membaca al-Quran khususnya penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan murid sekolah secara tuntas (Mukri 1994; Mohd Alwi 2010). Sehubungan itu, lahirlah beberapa kaedah baharu seperti kaedah al-Baghdadi, kaedah al-Matien dan yang terkini kaedah Haraki. Kaedah al-Matein merupakan salah satu teknik baharu yang diketengahkan dan dibuktikan keberkesannya dalam meningkatkan keupayaan murid membaca al-Quran secara bertajwid di samping menguasai ilmu tajwid secara teori. Hal ini kerana kaedah ini menekankan kemahiran guru dalam modul sebelum mengaplikasikannya dalam PdP al-Quran (Hussin, 2018).

Pembelajaran al-Quran, ia bermula dengan kemampuan dan kemahiran seseorang menguasai asas pembelajaran al-Quran iaitu mengenal dan membunyikan setiap huruf hijaiyah. Kesukaran yang dihadapi di peringkat pembelajaran awal literasi al-Quran akan membawa masalah pada peringkat seterusnya. Jika masalah ini berterusan dan kumulatif penguasaan literasi murid akan terus bermasalah dan kekal. Masalah literasi yang tidak diatasi di peringkat awal akan memberi kesan negatif kepada murid khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca Al-Quran (Khalit, 2015).

Metod pengajarannya yang digunakan haruslah dikuasai dan difahami agar ia bersesuaian dengan tahap pelajarnya. Guru memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran mencapai matlamat yang dikehendaki. Terdapat banyak kajian yang berkaitan perlakuan guru dan kesan-kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam pendidikan sekolah. Kajian tersebut memperlihatkan kesan-kesan positif dan negatif mengenai sikap dan nilai prestasi guru terhadap pencapaian pelajar (Muhamad Anuar, 2013).

Menurut Ahmad Hasyim Fauzan (2015),pula mengatakan pendidikan adalah satu usaha untuk mewujudkan suasana belajar dan proses pembelajaran yang memiliki kekuatan spiritual keagamaan, pengendalian diri, kepribadian, kecerdasan, akhlak mulia, serta keterampilan yang di perlukan diri seseorang individu, masyarakat, bangsa, dan negara. Baca Tulis Al-Quran (BTQ) adalah kegiatan mendidik, mengajar, membimbing, dan melatih peserta didik / warga belajar dalam peningkatan kompetensi. Baca Tulis Al-Quran (BTQ) yang dilakukan secara tesendiri dalam struktur kurikulum dalaman. Baca Tulis Al-Quran (BTQ) sebagai kurikulum yang wajib bagi pelajar yang beragama Islam, yang semata-mata untuk meningkatkan pemahaman dan pengamalan isi kandungan al-Quran.

Manakala Khoirul Anwar (2018) pula berpendapat, untuk mengekalkan kesucian al-Quran, selain melakukannya dengan membaca dan memahami, kami juga cuba menghafalnya. Pada pemikiran asas yang disebutkan, maka dirumuskan fokus pada penelitian ini adalah merencanakan kegiatan menghafal al- Quran, pelaksanaan metode ODOA (satu hari satu ayat) dalam meningkatkan kemampuan menghafal al-Quran para pelajar. Berbeza pula pendapat Hatta Abdul Malik (2013), beliau menyebut metode dan strategi yang digunakan dalam pengajaran ini adalah pendampingan kepada pleajar dan pengajar, untuk membuat pendidikan al-Quran yang lebih menarik bagi anak-anak. Pendidikan al-Quran adalah dengan bersama-sama mengadakan analisa situasi dengan menggunakan analisis SWOT. Menggunakan analisis SWOT iaitu *Strenghts* (kekuatan), *Weaknesses* (kelemahan), *Opportunity* (kesempatan) dan *Threat* (Ancaman). Lain pula pendapat Haziyah Hussin (2018), beliau mengatakan kaedah *Iqra'* merupakan teknik yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah-sekolah Malaysia bagi membolehkan murid dapat membaca al-Quran dengan cepat. Penggunaan kaedah yang tepat dan sesuai merupakan salah satu faktor yang menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Siti Fatimah Sudin etl 2005). Oleh itu, pelbagai kaedah, teknik dan modul diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang bertujuan membantu masyarakat boleh membaca al-Quran dengan cepat dan lancar.

Selain itu juga penggunaan medium berasaskan perisian berbantuan komputer (PBK) merupakan satu metode yang rancak dijalankan di era zaman ini. Contohnya, pelbagai perisian yang menarik direka untuk memudahkan murid-murid memahami subjek yang diajar (Ali dan Man 2011; Idris dan Anis 2007; Mokhtar 2004). Lambakan peranti terkini di pasaran seperti iPad, iPod dan tablet memudahkan ibu bapa atau guru memuat turun aplikasi yang bersesuaian untuk anak-anak mereka. Kebanyakan aplikasi yang digunakan menekankan konsep belajar sambil bermain (permainan) bagi menarik minat murid. Aplikasi yang digunakan juga mempunyai latar belakang yang menarik seperti penggunaan warna-warna yang ceria serta dilengkapi audio yang mampu membangkitkan semangat belajar terutama untuk memudahkan penghafalan. Saidina Umar al-Khattab juga pernah berkata "didiklah anak-anak kamu mengikut zamannya" (Sulaiman 2006). Menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang selari dengan perkembangan teknologi terkini seperti iPad atau tablet mampu menarik minat golongan ini dalam usaha mengajar mereka mengaji al-Quran. Selain itu, pengajaran secara berhemah dengan mengamalkan konsep *tabsyir* dan *indhar* perlu disesuaikan dalam aktiviti PdP bagi memastikan kelangsungan minat mereka dalam pengajian al-Quran.

Khalit (2015), pula berpendapat murid lebih bermotivasi belajar menggunakan kaedah kaedah gabungan bunyi kata (KGBK) al-Quran berbanding kaedah *Iqra'*. Penggunaan kaedah gabungan bunyi kata (KGBK) mudah belajar dan fahami al-Quran terhadap literasi Al-Quran murid-murid bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kaedah ini pada asasnya dibina berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata yang telah digubal oleh Isahak Haron (1979).

Dalam mendidik anak-anak terutamanya yang masih kecil, memerlukan pelbagai teknik dan pendekatan kerana setiap murid mempunyai perwatakan yang berbeza. Peranan guru dalam penyebaran maklumat kepada anak didik adalah juga antara tunjang utama kejayaan proses pembelajaran seperti memperdengarkan ayat-ayat al-Quran setiap kali sesi pembelajaran diadakan (Siti Patonah Mohamad, 2014). Pelajar-pelajar seharusnya diajar untuk melakukan latihan penyebutan yang berulang. Ini kerana, dengan latihan yang berulang, pelajar-pelajar dapat mengurangkan kesalahan dalam penyebutan perkataan bahasa Arab. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk latihan penyebutan ini. Antaranya, pelajar boleh membaca buku-buku Arab, sama ada buku teks atau buku-buku cerita Arab. Mereka boleh membacanya dengan kuat sambil diperhatikan oleh guru atau sesiapa sahaja (Muhamad Anuar, 2013).

4.0 PENDEKATAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HAFAZAN AL-QURAN ANTARA DUA INSTITUSI PRA-TAHFIZ DI SELANGOR.

Terdapat banyak kajian berkenaan hafazan al-Quran dalam usia kanak-kanak. Kajian yang dilakukan oleh Hafiz (2003) menunjukkan 11% tenaga pengajar berpendapat bahawa umur yang paling sesuai untuk menghafaz al-Quran ialah ketika berusia 6 tahun (Abdul Hafiz Haji Abdullah et al 2003). Ini dibuktikan bahawa Imam al-Syafie, Imam al-Baqilani telah berjaya menghafaz al-Quran pada usia 7 tahun. Kebanyakan para ulama telah menghafal al-Quran ketika kanak-kanak sebelum umur 10 tahun (Salafuddin Abu Sayyid (2013). Oleh itu proses pendidikan kanak-kanak perlu disertai dengan fitrah mereka agar ia dapat diseimbangkan antara fitrah semulajadi dan juga proses pendidikan yang dilalui. Selain itu Fattah Hidayat (2017) turut menjelaskan kewajipan menghafaz al-Quran ini merupakan fardu kifayah dan ia mesti dipupuk, dilatih dan diajar sejak di usia kanak-kanak lagi.

Dalam usaha menarik minat kanak-kanak, ia memerlukan kaedah tertentu dalam berkomunikasi. Contohnya di Bait al-Quran, kanak-kanak dilatih menghafaz perkata, ia sebahagian kaedah komunikasi yang dilakukan dan berkesan (Wini Mulyani, 2011). Pendekatan belajar melalui bermain juga penting untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat prasekolah termasuk dalam proses hafazan al-Quran. Ramai pakar telah membina kurikulum prasekolah yang menggunakan pendekatan bermain untuk meningkatkan perkembangan kognitif (Zakiah Mohamad et al, 2013). Metode bermain dijadikan media komunikasi agar kanak-kanak seronok dan tidak tertekan dengan arahan yang diberikan (Muhammad Basyirun, 2012).

Justeru, fokus utama kajian ini adalah melihat perbezaan pendekatan komunikasi yang digunakan oleh dua pusat tahfiz pra sekolah di Selangor dalam pengajaran hafazan al-Quran.

Pendekatan komunikasi merupakan kaedah-kaedah yang dilakukan oleh guru dalam sesi pembelajaran. Ia merupakan kaedah yang menjadikan sesi pembelajaran lebih interaktif dan menarik. Pendekatan Komunikasi yang digunakan adalah komunikasi interpersonal, komunikasi penceritaan dalam P&P, bertulis, latihan mengulang sebutan dan belajar sambil bermain

4.1 Komunikasi Interpersonal

Informan P1 menyatakan pendekatan komunikasi secara interpersonal merupakan komunikasi *one to one* antara guru dan pelajar. Hal ini kerana kemampuan hafalan antara pelajar adalah berbeza.

P1: *“Haah dalam pengajaran al-Quran, komunikasi yang digunakan macam... “one-to-one” dengan budak-budak sebab kadang-kadang budak-budak ni macam guru cakap tadi level dia tak sama, walaupun tahap diaorang sama semua tahap tiga, tapi yang hafalnya tak sama, so komunikasi yang digunakan komunikasi sehalu atau “one-to-one”, contoh kita belajar sama-sama, tapi kat kelas guru akan “one-to-one”..”*

Seterusnya, bagi informan P2 juga mengatakan teknik pembelajaran interpersonal perlu semasa sesi pembelajaran. Guru perlu dibahagikan mengikut nisbah pelajar, seorang guru akan memantau beberapa pelajar secara *one to one*.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji di P1 dan P2 mengamalkan komunikasi interpersonal *one to one* dalam proses P&P.

P2: *“Memang perlu one-to-one, kalau 40 orang murid kalau macam sekolah 40 orang murid memang perlu go through 40 orang tu, provided 4 orang guru lah”*

P2: *“Haa hadis tu sebenarnya dia tak buat masa macam tu dulu, diaorang perlu one-to-one jugak, sebab diaorang hafal hadis lain-lain jugak”*

P2: *“Haa kalau akademik tu macam kalau guru marah, murid tak nak buat diaorang tak nak datang sekolah, dua-dua pihak rugi, budak sekarang kan lain sebab tu lah kita bagi diaorang fun, main, jadi mengurangkan marah guru tu, cara macam mengurangkan marah guru, dan kalau belajar akademik pun tak kan lah nak sit duduk kat meja lama kan, diaorang buat kerja macam tu, diaorang perlu pergi main, diaorang perlu buat kerja lain, diaorang perlu bergerak, jadi teacher akan*

*panggil balik, tak mengganggu sebenarnya,
teacher tengah mengajar murid pun tengah
sikit ni memang banyak one-to-one”*

Selain itu komunikasi dua hala juga merupakan salah satu daripada Komunikasi Interpersonal. Informan P1 menyatakan bahawa dalam pembelajaran bersama pelajar perlu dilakukan. Komunikasi dua hala dilakukan dengan memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya kepada guru berkenaan pelajaran, hal ini akan membolehkan pelajar fokus dengan apa yang dipelajari. Guru perlu memastikan semua pelajar mengemukakan soalan setelah selesai belajar sesuatu perkara.

P1: *“Sebenarnya kita tak tanya, sebab kadang-kadang guru cakap nanti, sebenarnya kalau ramai-ramai kita macam tak layan nanti, so diaorang akan fikir oh panggil orang yang sama je, kalau Aishah Aishah je sampai habis kelas, so saya kadang-kadang, kalau saya lah kan, saya akan make sure semua orang perlu tanya, contoh, semua perlu jawab, so kalau Aishah dapat semua mesti dapat”.*

4.2 Komunikasi Penceritaan Dalam P&P

Informan P1 menyatakan salah satu pendekatan komunikasi yang digunakan dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar adalah melalui kaedah komunikasi penceritaan dalam P&P, guru menyampaikan kisah teladan daripada al-Quran dan kisah nabi. Hal ini disebabkan pelajar lebih cenderung menunjukkan minat belajar ketika mendengar cerita. Guru perlu membuat persediaan agar pelajar jelas dan mudah memahami apa yang disampaikan oleh guru.

P1: *“...di samping penceritaan-penceritaan, sebab kadang-kadang budak-budak dia sangat suka bercerita, lagi-lagi yang enam tahun ni masuk kelas ni kalau biasa, ustazah datang ni dia macam senyap sikit dia behave kan, kalau tak ni cerita, ni cerita so macam ustazah cerita lah kisah ni, dia nak tahu balik so budak-budak ni macam tu lah”*

P1: *“Haah ikut, sebab kan dalam modul kan dia ada cerita pasal al-Quran kan sebelum tu guru perlu “prepare” lah kan, kalau guru tak tahu cerita apa masalah juga, guru pun perlu “study” kadang-kadang kita cari juga cerita kisah-kisah nabi...”*

Melalui pemerhatian pengkaji di P2 terdapat pendekatan melalui penceritaan seperti sebab penurunan ayat surah *al-Fil* berdasarkan modul yang disediakan. Manakala di P1 tiada kepelbagaian interaktiviti yang khusus.

4.3 Komunikasi Bertulis

Informan P1 menyatakan salah satu pendekatan komunikasi yang digunakan dalam pembelajaran adalah pendekatan komunikasi bertulis. Pendekatan komunikasi bertulis dapat memperkuat pemahaman dan ingatan pelajar melalui lukisan peta minda. Melalui peta minda pelajar akan melukis perkara yang dipelajari menjadikan nota yang lebih interaktif dan mudah untuk dibaca dan difahami.

P1: *"...gunakan alat pembelajaran, contoh kita melukis-lukis ke, kadang-kadang kita buat macam buat peta minda ke, peta minda ni kita buat cerita pasal surah An-Naba, buat je peta pasal surah tu, diaorang akan buat no satu ni diaorang perlu isi lah apa, no dua surah An-Naba..."*

Seterusnya, bagi informan P2 juga mengatakan rancangan pembelajaran perlu dibuat oleh guru untuk memastikan sesi pembelajaran lebih interaktif sebagai contoh aktiviti melukis sebagai satu kaedah pembelajaran. Pelajar melukis apa yang mereka pelajari.

P2: *"...orang panggil P&P kan, orang panggil lesson plan, so dia punya P&P masuk dalam tu, nak buat aktiviti apa, sesuai tak, apa barang yang diperlukan, jadi saya lah yang perlu sediakan jika perlukan barang-barangan, contohnya ada surah yang perlukan 6 hari untuk cipta apa kan, macam hari pertama nak cipta apa kan, hari kedua nak cipta apa untuk buat aktiviti, hari itu cipta langit yang ni cipta manusia hari terakhir kan haaa diaorang buat itu"*

4.4 Latihan Mengulang Sebutan

Informan P1 menyatakan guru menggunakan kaedah latihan penyebutan berulang dalam mengajar pelajar menghafal al-Quran, sekiranya pelajar mengalami kesukaran untuk menghafal maka teknik ulangan bagi mengukuhkan hafalan al-Quran.

P1: *"Sebab kita kadang-kadang kita bukannya nak nampak hari ni ayat 1 ayat 1 terus, sebelum dia ingat tu, dia ni dulu baca ulang-ulang, kalau ayat 1 macam sangkut, dia akan ulang-ulang bagi main ketuk-ketuk pun tak ada masalah"*

Seterusnya bagi informan P2 juga berpendapat teknik ulangan adalah teknik yang baik dalam menghafal al-Quran. Guru akan mengajar pelajar menghafal satu baris satu baris, pelajar akan ulang ayat sekurang-kurangnya enam kali untuk menghafal.

P2: *"Untuk ulangan, haa okay satu macam untuk ulangan dan kalau perasan buku hafazan kami bukan macam satu kumpulan"*

satu ni satu ayat yang berterusan-berterusan tu, kita kan buat satu baris satu baris haa itu tekniknya, dan setiap tu ada kotak tu perlu hafal at least lima ke enam kali, memang perlu hafal baru boleh, ni kira macam sistem ulangan lah kiranya cuma dia tak boleh suruh berterusan berterusan macam tu, kan macam al-Qurankan berterusan perlu satu baris satu baris”

4.5 Belajar Sambil Bermain

Menurut informan P1 selain pendekatan verbal dan pendekatan komunikasi lain, pendekatan bermain juga salah satu pendekatan komunikasi yang membantu pelajar untuk mempertingkatkan pengetahuan dan menghafal al-Quran antaranya bermain lego ketika menghafal al-Quran.

P1: *“Macam tadi saya cakap kan buat cara macam menyanyi pun boleh, dia macam budak ni apa yang dia suka, sebab kadang-kadang budak-budak ni mainan kan, kita buat mainan tu dengan mengaji, contoh macam main lego, lego hari ni macam surah kan kita guna BBM”*

Menurut informan P2 salah satu pendekatan bermain yang mudah untuk pelajar mengingat hafalan adalah teknik bermain bingo iaitu permainan teka teki.

P2: *“Ya, dan yang nampak sebenarnya yang no tu bingo sebenarnya untuk sekolah rendah, sekolah rendah dia yang biasa pakai buat smart camp waktu cuti sekolah kan, dia akan buat bingo and then diorang akan pro aniq, ada orang habis cepat, memang habis cepat ni semua surah ni then perlu tambah lagi haaa”*

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap dua buah Pra Tahfiz di Selangor, kajian mendapati P2 sahaja menggunakan pendekatan bermain dalam menarik minat untuk menghafal al-Quran. Manakala P1 didapati tidak menggunakan teknik tersebut. Antara teknik permainan di P2 adalah bermain playground, jual beli dan menghafal secara halaqah beramai-ramai. Rajah 1 menunjukkan dapatan kajian mengenai perbezaan pendekatan komunikasi dalam proses P&P.

Jadual 1: Pendekatan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Pendekatan Komunikasi Dalam P&P	P1	P2
Komunikasi Interpersonal	Pembelajaran al-Quran digunakan One-to-One mengikut level pelajar.	Pembelajaran al-Quran digunakan One-to-One. Guru dapat mengenal pasti pelajar hadir ke kelas atau tidak.
	Guru akan menyebut atau memanggil nama pelajar sama ada untuk menjawab soalan atau untuk bercerita.	Guru perlu dibahagikan mengikut nisbah pelajar, seorang guru akan memantau beberapa pelajar secara <i>one to one</i>
Komunikasi Penceritaan Dalam P&P	Pelajar lebih suka kepada penceritaan. Guru akan memastikan ia berpandukan kepada modul.	Dilakukan seperti lakonan surah tertentu bagi memberi pemahaman dan keseronokan yang lebih kepada kanak-kanak
Komunikasi Bertulis	Gunakan alat bantu belajar.	Menggunakan peralatan yang telah disediakan oleh pihak Pra Tahfiz untuk memberi latihan kepada pelajar.
Latihan Mengulang Sebutan	Guru akan memastikan setiap hari satu ayat akan diajarkan kepada pelajar.	Menggunakan teknik yang sedia ada untuk memastikan pelajar itu mengulang dan mengingati hafalan. (Seperti bingo, dan semakan buku log)
Belajar Sambil Bermain	Guru akan menggunakan cara menyanyi dan bermain lego.	Menggunakan kaedah Bingo.

5.0 KESIMPULAN

Pendekatan komunikasi yang dilaksanakan oleh guru semasa sesi pembelajaran antaranya ialah pendekatan interpersonal, penceritaan, komunikasi dua hala, tulisan, penyebutan berulang dan bermain. Namun begitu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh kedua-dua Pra Tahfiz seperti membawa kanak-kanak menonton video bagi pengenalan surah-surah tertentu, melakukan hafazan secara pertandingan berkumpulan di dalam kelas untuk melahirkan rasa seronok dan sifat berlumba-lumba. Implikasi daripada kajian menunjukkan pelajar Pra Tahfiz akan lebih cepat memahami arahan dan akur dengan arahan dengan cepat dan juga dapat membantu guru melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran melalui kepelbagaian pendekatan komunikasi yang dilakukan oleh guru malah ini juga akan menarik serta memupuk minat pelajar pra tahfiz untuk menghafal al-Quran.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad, Idris Ismail (2003), Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz, Laporan Pengkajian Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Munawar, I., & Mohd Nor Shahizan, A. (2015). Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Hasyim Fauzan. (2015). Pola Pembinaan Baca Tulis Al-Qur'an (BTQ) Sebagai Upaya Peningkatkan Kemampuan Membaca Al-Quran. Ar Risalah: Media Keislaman, Pendidikan Dan Hukum Islam 15 (1), 19-29.
- al-Asqalasi, Ibn Hajar. 2000. Fath al-Bari fi Syarah Sahih al-Bukhari. Syria: Damascus. Dar Kutub Ilmiah.
- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali. 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. The Online Journal of Islamic Education. (O-jLe) Vol 1 Isu.
- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. 2012. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. Journal Of Islamic and Arabic education 4 (2), 2012. 1-10.
- Aziz Nordin & Siti Sumaziana Ali Mohamed (2011). Persepsi Bakal Guru Tentang Tahap Kemahiran Komunikasi Berkesan Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Aliran Sains Fakulti Pendidikan UTM. Diakses dari <http://eprints.utm.my/2107/>
- Al-Bukhari. 'Abdullah Muhammad bin Ismail. 1999. Sahih al-Bukhari. Dimasq, Syria: Dar al-Faiha'
- Fattah Hidayat .2017. Kajian Psikologi Pembelajaran Hafal Quran bagi Anak Usia Dini. Proceedings of the 2nd Annual Conference on Islamic Early Childhood Education. Study Program of Islamic Education for Early Childhood, Faculty of Tarbiyah and Teaching Science, State Islamic University Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Hatta Abdul Malik. 2013. Pemberdayaan Taman Pendidikan Al-Quran (TPQ) al-Husna Pasadena Semarang. Dimas: Jurnal Pemikiran Agama Untuk Pemberdayaan
- Hariyana, Anindya, S. & Januarti, T. 2009. Komunikasi Dalam Organisasi.
- Kamal Azmi, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Ahmad Faqih Ibrahim, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah Dimon, Sahlawati Abu Bakar. Metodologi Penyelidikan (Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam). 2016. Selangor: Minta Intelek Agency.
- Kamarul Azmi. 2012. Pengkajian Kualitatif Dalam Sains Sosial. Kertas kerja dibentangkan di Kursus Pengkajian Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 Johor Darul Ta'zim.

- Kamarul Azmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Kertas kerja dibentangkan di Kursus Pengkajian Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 Johor Darul Ta'zim.
- Khoirul Anwar, Mufti Hafiyana. 2018. Implementasi Metode ODOA (One Day One Ayat) dalam Meningkatkan Kemampuan Menghafal Al-Quran. Jurnal Pendidikan Islam Indonesia.
- Muhamad Anuar Basir. 2013. Keberkesanan Teknik Al-Baghdadi dalam pembelajaran Al-Quran di Malaysia/Muhamad Anuar bin Basir. Disertasi Universiti Malaya.
- Ming Foong Lee, Mohd Fahmi Jaes & King Hyiang Tan. 2014. Gaya Pembelajaran dan Gaya Komunikasi: Satu Pendekatan untuk Mengesan Karakter Pelajar Politeknik, CiE-TVET, Uthm.
- Muhammad Basyirun. 2012. Pengelolaan Pembelajaran Tahfidz Pada Anak Usia Dini di TKU Daar El Dzikir Sukoharjo. Universiti Muhammadiyah: Sukarta.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Halimah Laji. 2014. Kepimpinan Pengajaran Dan Sikap Guru Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu . 4.(1). 48-58
- Norhayati Mohd Nor, Roslinda Rosli. 2018. Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Komunikasi Guru Matematik Sekolah Menengah. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018). 5 Julai 2018. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri. 2014. Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Moden: Satu Kajian Awal. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014,
- Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri. 2015. *Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik Dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori Dan Kinestetik)*, Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa.USIM.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib .2013.*Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan dan Statistik*. Serdang, Univerisiti Putra Malaysia (UPM).
- Safinah Ismail , Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur Zatil Ismah Azizan, Fatin Nazmin. 2019. *Kaedah Komunikasi Non Verbal Dalam Hafalan Al-Quran Di Pra Sekolah (2)*. E-Journal of Islamic Thought and Understanding 2 (2019)
- Saidah binti Haris @ Harith, Muhammad Lukman bin Ibrahim. Mustaffa bin Abdullah. Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim. 2015. Kemahiran Menghafaz Surah Melalui Kaedah Permainan. Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN. Volume 32. Pages 38 to 47. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Saifuddin Abu Sayyid. 2013. Balita pun Hafal al-Quran. Solo: Tinta Medina

- Siti Fatimah Sudin and Nafisiah Hj. Abdul Rahman.2005. Keperluan kursus kemahiran membaca al-Qur'an di IPT : kajian di UiTM Shah Alam. UPENA 2005
- Siti Mursyidah Mohd Zin, Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad. 2017. Kelebihan Kaedah Hafazan Al-Quran Metode Nadi Al-Baghdadi. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017). Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor (KUIS).
- Siti Patonah Mohamad.2014.Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis dari Sumber Tradisi Islam. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari.
- Syitami Giri Candani. 2017. Implementasi Metode Qiraati Pada Pembelajaran Membaca Al-Qur'an Di Tpq Al-Falah Bobosan Purwokerto Utara Banyumas.
- Wini Mulyani. 2011. Implementasi Komunikasi Verbal dan NonVerbal dalam Proses Menghafal Juz Amma pada Pendidikan Anak Usia Dini di Bait Quran, Tesis Sarjana Komunikasi, Fakultas ilmu Dakwah dan Ilmu Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Wiwi Alawiyah 2013. Cara Cepat Untuk Menghafaz al-Quran.Batu Caves : Al-Hidayah House of Publisher Sdn Bhd
- Zakiah Mohamad et al. 2013. Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain Terhadap Kefahaman Pengalaman Pranombor Kanak-Kanak Prasekolah. (2nd International Seminar on Quality and Affordable Education ISQAE 2013).